

MELAYU mudah lupa

DR MAHATHIR MOHAMAD

05.899
MAH

PELANDUK



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

MELAYU mudah lupa





MELAYU mudah lupa

DR MAHATHIR MOHAMAD



PUSTAKA PERDANA



1000995

Diterbitkan oleh
Pelanduk Publications M Sdn Bhd
 (No Pend 113307-W)
 12 Jalan SS13 3E
 Subang Jaya Industrial Estate
 47500 Subang Jaya
 Selangor Darul Ehsan Malaysia

Alamat surat-menyurat
Pelanduk Publications M Sdn Bhd
 PO Box 8265 46785 Kelana Jaya
 Selangor Darul Ehsan Malaysia

Layari laman web kami di www.pelanduk.com
 e-mel: mypp@tm.net.my

Hakcipta © 2001 Mahathir Mohamad
 Reka muka © 2001 Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd
 Semua hakcipta terpelihara. Dilarang mengulang cetak mana mana
 bahagian di dalam buku ini baik dalam sebarang bentuk sekalipun tanpa
 kebenaran bertulis daripada pemegang hakcipta

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan dalam penerbitan

Mahathir bin Mohamad, Dato Seri, 1925-
 Melayu mudah lupa Mahathir Mohamad
 ISBN 967-978-790-7
 1. Malays (Asian People)—Malaysia—History 2 Speeches,
 addresses, etc I Judul
 305 89923

Dicetak dan dijilid di Malaysia

305.899

71A11

KATA PENERBIT

Buku ini mengandungi ucapan Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, Dr Mahathir Mohamad, di Perhimpunan Agung parti tersebut di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, pada 21 Jun 2001.



MELAYU MUDAH LUPA

Alhamdulillah. Dalam lautan politik dan ekonomi yang bergelora di rantau ini, Malaysia masih tenang dan dapat mengatasi serangan bertubi-tubi terhadap politik dan ekonominya, dari luar dan juga sahabat mereka dari dalam.

CUBAAN ADAKAN REFORMASI

Tidak berapa lama dahulu ramai juga daripada rakyat Malaysia yang teringin mengadakan apa yang mereka namakan Reformasi, kononnya untuk membetulkan keadaan di Malaysia. Mereka mendapat ilham daripada apa yang berlaku di negara lain. Tanpa mengambil kira situasi yang berlainan di negara berkenaan, mereka cuba melaksanakan pendekatan yang tidak bertanggungjawab untuk memaksa Kerajaan tunduk kepada kehendak mereka, malah untuk mengguling Kerajaan pun.

Pemimpin mereka telah pergi ke negara asing untuk mendapat bantuan supaya keganasan jalanan yang mereka rancang dapat diadakan. Mereka tahu bahawa rakyat Malaysia sendiri tidak berminat bertindak ganas walau pun diupah. Sebab itu rakyat asing diperlukan.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA